



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DI-TERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 13
Bil. 25

4hb Disember, 1969

TAMBAHAN No. 83
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 500.

UNDANG² MALAYSIA

Ordinan 13

ORDINAN DHARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN MENCHEGAH JENAYAH) (PINDAAN), 1969

Suatu Ordinan di-istiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong di-bawah Perkara 150 (2) Perlembagaan:

[16hb Mei, 1969.]

BAHAWA SA-NYA oleh sebab ada-nya dharurat besar mengancam keselamatan Malaysia, suatu Peristiharan Dharurat telah di-keluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di-bawah Perkara 150 Perlembagaan: P.U. (A)
145/69.

DAN BAHAWA SA-NYA Parlimen telah di-bubarkan pada dua puluh haribulan Mach, 1969, dan bahawa pilihan raya bagi Dewan Ra'ayat baharu belum lagi selesai; P.U. (A)
94/69.

DAN BAHAWA SA-NYA Yang di-Pertuan Agong ada-lah berpuashati bahawa tindakan segera ada-lah di-kehendaki bagi melanjutkan masa untuk Lembaga Penasihat menimbangkan, di-bawah Perkara 151 Perlembagaan, surat-rayuan yang di-buat oleh orang² yang di-tahan di-bawah sekshen 4 Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Menchegah Jenayah), 1969; Ord. 5/69.

P.U. (A) 505.**ORDINAN PERJANJIAN BRETTON WOODS, 1957**

PADA menjalankan kuasa² yang di-beri oleh sekshen-kecil (1) sekshen 5 (A) Ordinan Perjanjian Bretton Woods, 1957, Yang di-Pertuan Agong dengan ini membuat Perintah yang berikut: 75/1957.

1. Perintah ini boleh-lah di-namakan **Perintah Perjanjian Bretton Woods, 1969**, dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada 16 haribulan Disember, 1969. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Bagi maksud sekshen-kecil (1) sekshen 5 (A) Ordinan itu, Bank Negara Malaysia ada-lah di-benarkan menjalankan hak² dan menunaikan kewajipan² Kerajaan Malaysia sa-bagai ahli Kumpulan Wang Antarabangsa mengikut syarat² yang di-nyatakan dalam Jadual Pertama kepada Ordinan tersebut. Kebenaran.

Di-perbuat pada 26 haribulan November, 1969.
[Perb. S. 9088 Pt. 2; PN. 250/54-SF. 103.]

Bagi pehak dan atas nama Menteri Kewangan, Malaysia.

Dengan Perintah,

ALI BIN HAJI AHMAD,
Menteri Muda Kewangan

BRETTON WOODS AGREEMENTS ORDINANCE, 1957

IN exercise of the powers conferred by sub-section (1) of section 5 (A) of the Bretton Woods Agreements Ordinance, 1957, the Yang di-Pertuan Agong hereby makes the following Order: 75/1957.

1. This Order may be cited as the **Bretton Woods Agreements Order, 1969**, and shall come into force on the 16th day of December, 1969. Citation and commencement.

2. For the purpose of sub-section (1) of section 5 (A) of the Ordinance, Bank Negara Malaysia is authorised to exercise rights and to perform obligations in respect of the membership of Malaysia in the International Monetary Fund in accordance with the terms and conditions as set out in the First Schedule to the said Ordinance. Authorisation.

Made this 26th day of November, 1969.
[Try. S. 9088 Pt. 2; AG. 250/54 SF. 103.]

On behalf and in the name of the Minister of Finance, Malaysia.

By Command,

ALI BIN HAJI AHMAD,
Assistant Minister of Finance

P.U. (A) 506.**AKTA GALAKAN PELABORAN, 1968**

BAHAWA SA-NYA, melalui notis² yang di-siarkan dalam *Warta* sa-bagai P.W. No. 3078 bertarikh 17hb Julai, 1969 dan 3892 bertarikh 28hb Ogos, 1969, notis telah di-beri mengenai chadangan hendak membuat suatu perintah mengishtiharkan perusahaan dan keluaran tertentu sa-bagai perusahaan perintis dan keluaran perintis;

DAN BAHAWA SA-NYA beberapa bantahan telah di-terima terhadap chadangan tersebut berkenaan dengan sa-suatu keluaran tertentu yang di-nyatakan dalam Jadual kepada notis itu;